



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	7/10/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	36
JABATAN	:	TNB			

## TNB komited beri pulangan setimpal untuk rakyat

**Tenaga Nasional Bhd (TNB)** akan terus menyeimbangkan kepentingan industri dan perannya sebagai syarikat tersenarai yang memberikan pulangan setimpal kepada rakyat menerusi institusi pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

Pengerusinya, Datuk Seri Hasan Arifin, berkata TNB mampu memberikan pulangan dividen yang adil dan berpatutan kepada pelabur termasuk GLIC seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan Khazanah Nasional Bhd.

Beliau berkata, TNB bertanggungjawab kepada pemegang saham, terutama institusi pelaburan yang pulangannya akan diberikan semula kepada rakyat. "Antara 2018 sehingga 2020, TNB membayar dividen ber-

jumlah RM9.9 billion kepada pemegang saham dan RM7 billion lagi kepada GLIC.

"Ini satu jumlah besar yang memberi kepada rakyat," katanya dalam satu kenyataan selepas mengadakan pertemuan dengan barisan pengurusan tertinggi TNB.

Beliau dilantik sebagai Pengerusi TNB pada 1 Oktober lalu bagi menggantikan Datuk Seri Mahdzir Khalid yang dilantik sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Mengulas lanjut, Hasan berkata TNB akan terus memainkan peranan dan menyumbang terhadap pembangunan negara.

Beliau berkata, TNB juga akan terus mendukung pertumbuhan dan usaha pemulihan ekonomi negara menerusi perbekalan elektrik berdaya harap, mencorak semula ekonomi melalui inisiatif transformasi industri tenaga dan membantu golongan sasaran yang memerlukan.

Katanya, dalam situasi ekonomi negara ketika ini, TNB perlu teguh dari segi kewangan bagi meneruskan usaha pemulihan kerajaan.

"TNB antara pihak swasta terawal tampil membantu kerajaan menangani COVID-19 dan menyumbang sejumlah RM21 billion dalam tempoh 2018 hingga 2020 kepada ekonomi dalam pelbagai bentuk termasuk dividen, kontrak kepada vendor, cukai, zakat, tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan bantuan COVID-19.

"Justeru, kedudukan kewangan TNB perlu kekal kukuh bagi membantu usaha kerajaan memulihkan ekonomi sekali gus memberikan pulangan yang setimpal kepada pemegang saham," katanya.



Hasan Arifin

